

Majlis sambutan hari raya warga PKT tutup tirai takwim syawal 1437 Hijrah

Oleh : Nooraini Che Aziz (PRO)

3 Ogos - Kemeriahan Syawal 1437 Hijrah melabuhkan tirainya dengan majlis sambutan hari raya peringkat Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang disambut dengan cukup meriah sekali.

Walaupun sambutan adalah secara sederhana dan ringkas tetapi suasananya tetap meriah dengan kehadiran lebih 600 orang pelajar dan 150 orang staf PKT termasuk pensyarah dan kakitangan pentadbiran serta tetamu jemputan.

Pelbagai hidangan tradisi istimewa antaranya aneka laksa, mee goreng, nasi kerabu, rendang, nasi minyak dan juga tapai dihidangkan kepada tetamu pada sambutan kali ini.

Majlis yang bermula seawal jam 10.00 pagi itu turut diserikan dengan kehadiran bekas kakitangan PKT yang telah berpencen dan juga yang telah bertukar ke Jabatan lain. Selain tu, majlis juga dimeriahkan dengan persembahan pelajar diiringi *band* PKT yang begitu menghiburkan.

Majlis yang cukup meriah ini berakhir pada jam 1.00 petang. Diharap majlis sambutan sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang untuk mengeratkan lagi ukhwah antara warga PKT seiring dengan matlamat Aidilfitri yang diraikan saban tahun.



Acara memotong kek oleh pentadbir-pentadbir PKT sebagai simbolik sambutan Aidilfitri 2016.



Nasi Kerabu antara hidangan tradisi yang disediakan.



Pengarah PKT, Puan Hajjah Radiah Binti Che Su, A.M.T. bergambar kenangan bersama tetamu jemputan.